

**TERMA DAN SYARAT**  
**OHSEM DOUBLE BONANZA #OHSEMBersamaPR1MA**  
**(1 Ogos 2021 – 31 Oktober 2021)**

**Syarat Kelayakan**

1. Promosi ““**OHSEM DOUBLE BONANZA’ #OHSEMBersamaPR1MA** (“Promosi ini”) akan bermula pada **1 Ogos 2021** sehingga **31 Oktober 2021**(“Tempoh Promosi”).
2. Promosi ini terbuka untuk Pembeli/ Pembeli - Pembeli yang membuat Tempahan Baru ataupun telah membuat Tempahan Lama tetapi belum menandatangani Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan), iaitu:-
  - **Tempahan Lama** merangkumi tempahan yang dibuat **sebelum tarikh 1 Ogos 2021** berdasarkan tarikh Surat Tawaran Pembelian PR1MA (*PR1MA Offer To Purchase Letter/ OTP*);
  - **Tempahan Baru** iaitu tempahan dibuat dalam **Tempoh Promosi ini**.
3. Promosi ini terbuka bagi **empat (4) projek pembangunan kediaman** Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”), iaitu:-
  - a. **Residensi Seremban Sentral;**
  - b. **Residensi Bukit Katil;**
  - c. **Residensi Taman Pelangi Indah; dan**
  - d. **Residensi Larkin Indah.**
4. Pembeli/ Pembeli-Pembeli kediaman PR1MA adalah sah menyertai Promosi ini sekiranya ;
  - i. Pembelian dibuat untuk unit terpilih seperti ternyata di bawah sahaja:
    - a) Residensi Seremban Sentral
      - Blok **M1, M2** dan **M7**,
      - Kediaman **Jenis B, Jenis C** dan **Jenis C1**, dan
      - **Tingkat 15** sehingga **Tingkat 25**.
    - b) Residensi Bukit Katil
      - Blok **A** dan **C**,
      - Kediaman **Jenis B**, dan
      - **Tingkat 14** sehingga **Tingkat 21**.
    - c) Residensi Taman Pelangi Indah
      - Blok **A**,
      - **Semua Jenis kediaman**, dan
      - **Tingkat 15** sehingga **Tingkat 25**.
    - d) Residensi Larkin Indah
      - **Semua blok kediaman**,
      - Kediaman **Jenis C, Jenis C1, Jenis D** dan **Jenis D1**, dan
      - **Tingkat 11** sehingga **Tingkat 24**.
  - ii. Sama ada **Tempahan Baru** atau **Tempahan Lama**, semua pembelian hendaklah memastikan Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) **telah ditandatangani dan dimeterai setem dalam tempoh**:
    - a) **90 hari dari tarikh tempahan** seperti yang tertera pada **Surat Tawaran Pembelian PR1MA (PR1MA Offer to Purchase Letter)**; ATAU

- b) **90 hari daripada tarikh operasi dan perkhidmatan dibenarkan kepada panel peguam SPA PR1MA dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**, sesuai dengan garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Nasional (PPN), jika berkenaan.
- iii. Pembayaran kepada pihak PR1MA hendaklah dijelaskan dalam **tempoh yang ditetapkan** seperti di bawah: -
- a) **Untuk pembelian yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan penuh, iaitu kadar pembiayaan pinjaman seratus peratus (100%), bayaran sekurang-kurangnya 5% daripada harga jualan** telah pun dijelaskan oleh pihak institusi kewangan yang memberikan pinjaman dalam tempoh **150 hari daripada Tarikh Perjanjian Jual Beli dimeterai setem**;
- ATAU**
- b) **Untuk pembelian yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan kurang daripada seratus peratus (<100%), sekurang-kurangnya 5% daripada harga jualan** telah pun dijelaskan oleh pembeli/ pembeli-pembeli **dalam tempoh 90 hari daripada Tarikh Perjanjian Jual Beli dimeterai setem**, termasuk Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang menyertai promosi **Rilekalah#PR1MAKanAda**.
5. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang telah menyertai promosi **Rilekalah#PR1MAKanAda** dan **OHSEM BONANZA**, adalah layak untuk menyertai Promosi ini.
6. Bagi tujuan Terma & Syarat ini:-
- i. **PR1MA** merujuk secara kolektif pada Perbadanan PR1MA Malaysia atau Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia, 2012 [Akta 739] ("Akta PR1MA 2012") serta termasuk anak-anak syarikatnya, pengganti dan penerima yang dibenarkan;

### Hadiah

- Hadiah berbentuk **4 unit Penghawa Dingin 1.0 kuasa kuda (horse power)** akan diberikan dalam bentuk **Baucar/ e-Baucar/ Kad Hadiah bernilai RM 4,500** ("Hadiah") untuk **pembelian yang memenuhi kesemua Terma dan Syarat Promosi ini**.
- Pembeli/ Pembeli – Pembeli berhak untuk menebus apa jua jenis barangan elektrik yang dibekalkan/ dijual oleh Vendor/ Penjual/ Pembekal (selian 4 unit Penghawa Dingin) mengikut pilihan Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Hak penebusan Hadiah, termasuk jenis barangan elektrik, jenama barangan elektrik, model barangan elektrik, tarikh penebusan, penghantaran, waranti dan sebagainya adalah atas budi bicara antara Pembeli/ Pembeli – Pembeli bersama Vendor/ Penjual/ Pembekal. Pihak PR1MA adalah tidak terlibat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam segala urusan berkenaan.
- Terma dan Syarat penebusan dan penggunaan Hadiah dalam bentuk Baucar/ e-Baucar/ Kad Hadiah adalah tertakluk pada terma yang ditetapkan oleh pihak Vendor/ Penjual/ Pembekal yang membekalkan Hadiah tersebut. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak menerima Hadiah hendaklah berurusan terus dengan pihak Vendor/ Penjual/ Pembekal untuk sebarang pertanyaan dan segala penebusan dan/ atau penggunaan baucar tersebut; pihak PR1MA adalah tidak terlibat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam segala urusan berkenaan.
- PR1MA tidak boleh dipertanggungjawabkan atas bekalan dan ketersediaan barangan elektrik yang dipilih oleh Pembeli/ Pembeli-pembeli berkenaan penebusan dan/ penggunaan Hadiah.

5. Status kelayakan Pembeli/ Pembeli-Pembeli untuk Hadiah Promosi ini akan diumumkan dalam jangka masa tiga (3) bulan selepas PR1MA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan Terma dan Syarat yang tertakluk di bawah Promosi ini. Para pembeli yang layak untuk menerima Hadiah Promosi ini akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dengan pihak PR1MA. Pihak PR1MA tidak akan bertanggungjawab sekiranya pengumuman melalui emel berdaftar dengan PR1MA gagal disampaikan kepada Pembeli/ Pembeli-pembeli yang layak, tidak mengira apa sahaja alasan dan Hadiah akan dibatalkan dalam masa tiga (3) bulan selepas PR1MA menghantar emel berkenaan pengumuman keputusan Promosi ini dan Hadiah tidak dituntut.
6. Hanya **satu Hadiah** akan diberikan untuk **pembelian setiap satu unit kediaman PR1MA** yang terpilih dan **memenuhi semua Terma dan Syarat Promosi ini**.
7. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan dan kaedah dipindah milik, diserahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan secara tunggal dan mutlak diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan atau kaedah ditukar atau ditebus oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang layak dalam apa-apa bentuk nilai, perdagangan atau pertukaran atau cara lain selain daripada yang ditetapkan oleh pihak PR1MA. Hadiah tidak boleh dalam apa jua keadaan ditukarkan sebagai nilai gantian kepada harga jualan yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jual Beli.
8. PR1MA berhak secara mutlak untuk menukar/ menggantikan mana-mana Hadiah dengan mana-mana barangan atau apa jua bentuk hadiah lain dengan nilai yang sama dari vendor dan/ atau pembekal yang sama atau berlainan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis kepada semua Pembeli/ Pembeli-Pembeli terlebih dahulu.

### **Pembatalan Kelayakan**

1. Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang melanggar sebarang Terma dan Syarat Promosi "**OHSEM DOUBLE BONANZA' #OHSEMBersamaPR1MA**", sebarang terma-terma di bawah Perjanjian Jual Beli bagi pembelian kediaman PR1MA, mana-mana undang-undang dan/ atau peraturan yang berkuatkuasa akan dibatalkan kelayakan secara automatik tanpa sebarang notis.
2. Sekiranya Pembeli/ Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli setelah segala proses Jual Beli disempurnakan **serta selepas Hadiah Promosi ini diberikan**, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah bayaran **5% daripada harga jualan kediaman PR1MA** yang telah dijelaskan.

### **Terma dan Syarat Am**

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pembeli/ Pembeli-Pembeli dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sepenuhnya.
2. Pihak PR1MA tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa tanggungan rugi bagi apa-apa kos tambahan yang akan ditanggung oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli akibat daripada penebusan Hadiah dan susun atur yang dibuat oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli bersama pihak pembekal yang berkenaan. Pihak PR1MA juga tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah memberikan sebarang waranti dan jaminan sama ada secara tersurat atau tersirat berkaitan ketersediaan dan penggunaan apa-apa Hadiah yang ditebus dan susun atur yang dibuat dengan atau pembekal berkenaan.
3. Penyertaan Pembeli/ Pembeli-Pembeli untuk Promosi ini adalah di atas risiko sendiri. PR1MA, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, rakan jualan, penaja dan/ atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi

kecederaan diri sendiri atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua keadaan dan cara berhubung dengan penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah. Pembeli-Pembeli menanggung rugi PR1MA terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian atau ganti rugi yang dibuat oleh mereka sendiri atau oleh mana-mana pihak ketiga yang lain dalam apa jua keadaan atau cara berhubung dengan Promosi ini, penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah.

4. Sebarang perubahan pada sebarang klausa dan/ atau klausa – klausa Terma dan Syarat Promosi ini termasuk untuk menukar Tempoh Promosi, penukaran pada projek-projek perumahan PR1MA yang terlibat serta unit-unit kediaman PR1MA yang terpilih, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian adalah tertakluk di bawah bidang kuasa PR1MA sepenuhnya dan tanpa sebarang liabiliti kepada pihak PR1MA. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Pembeli/ Pembeli-Pembeli bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi ini akan membentuk penerimaan terma dan syarat (seperti yang diubah). Tiada sebarang notis akan diberikan terlebih dahulu atas sebarang perubahan Promosi ini.
5. Segala keputusan yang dibuat oleh PR1MA berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
6. Promosi ini tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah menjadi sebarang penambahan, variasi atau pindaan kepada Perjanjian Jual Beli di antara PR1MA dan Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang membeli kediaman PR1MA.
7. Kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/ atau yang timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tanpa batasan, kos-kos berkenaan dengan penebusan dan penggunaan Hadiah, telekomunikasi, rangkaian, perkhidmatan pesanan ringkas, penghantaran dan semua caj lain dan perbelanjaan luar poket yang mungkin ditanggung oleh Pembeli/ Pembeli-pembeli semasa atau berkaitan dengan Promosi ini akan ditanggung oleh Pembeli/ Pembeli-pembeli sendiri.
8. Promosi ini adalah tertakluk pada kekosongan unit kediaman PR1MA yang masih ada.
9. Pihak PR1MA dan anak syarikatnya boleh menggunakan entri Pembeli/ Pembeli-pembeli termasuk tanpa batasan, informasi berkenaan dengan pembeli kediaman PR1MA, gambar, video, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang diserahkan untuk tujuan Promosi (secara kolektif "Bahan"), dan nama Pembeli/ Pembeli-Pembeli, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi bagi pihak PR1MA, untuk masa yang tidak terhad tanpa pampasan, dan mana-mana media. Pembeli/ Pembeli-Pembeli hendaklah melakukan semua perkara yang perlu bagi ini.
10. Dengan menyertai Promosi ini, Pembeli/ Pembeli-Pembeli bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi mereka oleh pihak PR1MA selaras dengan Notis Privasi seperti di laman sesawang rasmi PR1MA <https://www.pr1ma.my/privacy-policy.php?page=privacy-policy&lang=bm&sts=&ID=>

**-Dokumen Tamat-**

**SOALAN LAZIM**  
**OHSEM DOUBLE BONANZA #OHSEMBersamaPR1MA**  
**(1 Ogos 2021 – 31 Oktober 2021)**

**1. Apakah Promosi “OHSEM DOUBLE BONANZA #OHSEMBersamaPR1MA secara ringkas?**

Promosi “OHSEM DOUBLE BONANZA” #OHSEMBersamaPR1MA yang dilancarkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma & Syarat) merupakan satu Promosi pemasaran yang menawarkan Hadiah berbentuk **4 unit Penghawa Dingin 1.0 kuasa kuda (horse power)**, yang mana akan diberikan dalam bentuk **Baucar/ e-Baucar/ Kad Hadiah bernilai RM 4,500** (“Hadiah”) untuk **pembelian yang memenuhi kesemua Terma dan Syarat Promosi ini**. Pembeli/ Pembeli – Pembeli berhak untuk menebus apa jua jenis barangan elektrik yang dibekalkan/ dijual oleh Vendor/ Penjual/ Pembekal (selain 4 unit Penghawa Dingin) mangikut pilihan Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Hak penebusan Hadiah, termasuk jenis barangan elektrik, jenama barangan elektrik, model barangan elektrik, tarikh penebusan, penghantaran, waranti dan sebagainya adalah atas budi bicara antara Pembeli/ Pembeli – Pembeli bersama Vendor/ Penjual/ Pembekal. Pihak PR1MA adalah tidak terlibat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam segala urusan berkenaan.

**2. Apakah syarat kelayakan untuk menyertai Promosi “OHSEM DOUBLE BONANZA” #OHSEMBersamaPR1MA ini?**

- i. Pembelian dibuat untuk unit terpilih seperti ternyata di bawah sahaja:
  - a) Residensi Seremban Sentral
    - Blok **M1, M2** dan **M7**,
    - Kediaman **Jenis B, Jenis C** dan **Jenis C1**, dan
    - **Tingkat 15** sehingga **Tingkat 25**.
  - b) Residensi Bukit Katil
    - Blok **A** dan **C**,
    - Kediaman **Jenis B**, dan
    - **Tingkat 14** sehingga **Tingkat 21**.
  - c) Residensi Taman Pelangi Indah
    - Blok **A**,
    - **Semua Jenis** kediaman, dan
    - **Tingkat 15** sehingga **Tingkat 25**.
  - d) Residensi Larkin Indah
    - **Semua blok** kediaman,
    - Kediaman **Jenis C, Jenis C1, Jenis D** dan **Jenis D1**, dan
    - **Tingkat 11** sehingga **Tingkat 24**.
- ii. Sama ada **Tempahan Baru** atau **Tempahan Lama**, semua pembelian hendaklah memastikan Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) **telah ditandatangani dan dimeterai setem dalam tempoh:**
  - a) **90 hari dari tarikh tempahan** seperti yang tertera pada **Surat Tawaran Pembelian PR1MA (PR1MA Offer to Purchase Letter)**; ATAU
  - b) **90 hari daripada tarikh operasi dan perkhidmatan dibenarkan kepada panel peguam SPA PR1MA dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**, sesuai dengan garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Nasional (PPN), jika berkenaan.

iii. Pembayaran kepada pihak PR1MA hendaklah dijelaskan dalam **tempoh yang ditetapkan** seperti di bawah: -

a) **Untuk pembelian yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan penuh, iaitu kadar pembiayaan pinjaman seratus peratus (100%), bayaran sekurang-kurangnya 5% daripada harga jualan** telah pun dijelaskan oleh pihak institusi kewangan yang memberikan pinjaman **dalam tempoh 150 hari daripada Tarikh Perjanjian Jual Beli dimeterai setem;**

**ATAU**

b) **Untuk pembelian yang mendapat pinjaman pembiayaan perumahan kurang daripada seratus peratus (<100%), sekurang-kurangnya 5% daripada harga jualan** telah pun dijelaskan oleh pembeli/ pembeli-pembeli **dalam tempoh 90 hari daripada Tarikh Perjanjian Jual Beli dimeterai setem,** termasuk Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang menyertai promosi **Rilekiah#PR1MAKanAda.**

3. **Bilakah Promosi PR1MA “OHSEM DOUBLE BONANZA” #OHSEMBersamaPR1MA ini akan berlangsung?**

Promosi PR1MA “OHSEM DOUBLE BONANZA” #OHSEMBersamaPR1MA akan bermula pada **1 Ogos 2021 sehingga 31 Oktober 2021.**

4. **Adakah Promosi ini hanya untuk projek tertentu sahaja?**

Promosi ini terbuka bagi empat (4) projek pembangunan kediaman Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) sahaja yang telah disenaraikan di bawah:

- a. Residensi Seremban Sentral
- b. Residensi Bukit Katil
- c. Residensi Taman Pelangi Indah
- d. Residensi Larkin Indah

5. **Adakah saya layak menyertai Promosi ini sekiranya saya membuat pembelian kediaman PR1MA secara tunai?**

Promosi ini terbuka untuk pembelian samada secara tunai dan/ atau secara pembiayaan daripada institusi kewangan.

6. **Bilakah saya boleh menuntut hadiah yang ditawarkan?**

Pemenang akan diumumkan dalam jangka masa tiga (3) bulan selepas PR1MA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan Terma dan Syarat yang tertakluk di bawah Promosi ini. Para pembeli yang layak untuk Hadiah Promosi ini akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dengan pihak PR1MA. Pihak PR1MA tidak akan bertanggungjawab sekiranya pengumuman melalui emel berdaftar dengan PR1MA gagal disampaikan kepada Pembeli/ Pembeli-pembeli yang layak, tidak mengira apa sahaja alasan dan Hadiah akan dibatalkan dalam masa tiga (3) bulan selepas PR1MA menghantar emel berkenaan pengumuman keputusan Promosi ini dan Hadiah tidak dituntut.

7. **Apakah saya layak untuk menyertai Promosi sekiranya saya telahpun menerima tawaran Promosi yang lain seperti Rilekiah#PR1MAKanAda ataupun Ohsem Bonanza dan sebagainya?**

Ya, anda layak walaupun telah menerima tawaran Promosi yang lain yang berlangsung dalam tempoh yang sama **kecuali** terma dan syarat promosi-promosi yang lain itu menyatakan bahawa tawaran promosi tersebut adalah tidak sah untuk Pembeli/ Pembeli-

Pembeli yang mengambil tawaran Promosi OHSEM DOUBLE BONANZA ini.

**8. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya melanggar terma dan syarat Promosi ini?**

Sekiranya Pembeli/ Pembeli-Pembeli melanggar sebarang terma dan syarat Promosi ini, gagal menjelaskan Wang Perbezaan atau **5%** daripada harga jualan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak PR1MA, atau menjadi bankrap, pihak PR1MA berhak untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli tanpa sebarang pampasan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli, dan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli akan terpakai dalam perkara ini.

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Pembeli/ Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

**9. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya membatalkan pembelian kediaman PR1MA dan/ atau Perjanjian Jual Beli?**

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Pembeli/ Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

Sekiranya Hadiah telah diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah pembayaran **5%** daripada harga jualan rumah PR1MA yang telah dijelaskan.

**10. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai Promosi ini?**

Sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA ditalian 03-7628 9898. Pada waktu pejabat, (9 pagi hingga 6 petang) Isnin hingga Ahad atau emel ke [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my) atau Rakan Jualan PR1MA yang dilantik berdasarkan projek pilihan. Promosi ini adalah tertakluk pada kekosongan unit kediaman PR1MA yang masih ada.

***-Dokument Tamat-***